

30 AUG 2001

Mahathir-Merdeka

SAMBUTAN AMBANG MERDEKA PERDANA MENTERI BERSAMA RAKYAT MERIAH

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersama puluhan ribu rakyat Malaysia daripada pelbagai lapisan masyarakat menghadiri Sambutan Ambang Merdeka 2001 di Dataran Merdeka malam ini, yang berlangsung meriah dengan upacara penuh berwarna-warni.

Dr Mahathir, rakyat dan tidak ketinggalan pelancong asing memenuhi Dataran Merdeka yang menjadi tumpuan masyarakat bagi sambutan Merdeka untuk menyaksikan jam besar di bangunan Sultan Abdul Samad berdetik 12 kali.

Sementara menunggu detik 12 malam, upacara penyerahan bendera negeri-negeri dan Malaysia serta Deklarasi Kemerdekaan yang ditandatangani oleh Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri menunjukkan komitmen dan semangat patriotik mereka kepada Dr Mahathir, diadakan.

Penyerahan Jalur Gemilang dilakukan oleh Ketua Ekspedisi Jelajah Merdeka iaitu Presiden Persatuan Wartawan Melayu Malaysia Yazid Othman.

Program jelajah Malaysia sempena Hari Kebangsaan ke-44 anjuran PWM disertai oleh 444 motosikal berkuasa tinggi yang menjelajah sejauh 1,914 km bermula 24 Ogos dan berakhir esok.

Sambutan Hari Kebangsaan ke-44 tahun ini bertemakan "Kerana Mu Malaysia" diraikan tepat detik 12 malam, yang kemudian disambut dengan laungan "Merdeka" sebanyak tujuh kali oleh Perdana Menteri, isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta para Menteri Kabinet.

Perdana Menteri kelihatan menahan sebak semasa melaungkan "Merdeka".

Dr Mahathir yang berdiri di pentas khas bersama-sama para hadirin lain menyertai kumpulan koir, dengan penuh semangat menyanyikan lagu kebangsaan Negaraku serta lagu patriotik Jalur Gemilang dan Keranamu Malaysia, sambil mengibarkan bendera Jalur Gemilang.

Kemuncak sambutan ambang merdeka itu diakhiri dengan pertunjukan bunga api selama kira-kira 10 minit disambut dengan sorakan oleh mereka yang hadir.

Sambutan itu juga diserikan dengan pertunjukan oleh artis-artis tanah air dan pantomin yang mengimbas kembali sejarah kemerdekaan negara.

Terdahulu, ketibaan Dr Mahathir pukul 11.30 malam disambut oleh Abdullah dan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Jalan-jalan menuju ke Dataran Merdeka sesak dengan puluhan ribu warga kota dan juga rakyat daripada seluruh pelusuk tanah air yang ingin turut menyertai Sambutan Ambang Merdeka.

Bagi menghadapi sebarang kemungkinan, anggota keselamatan turut diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga dan mengawal keadaan.

Orang ramai mula membanjiri Dataran Merdeka seawal pukul 6 petang.

Sementara itu, di Taman KLCC, konsert Ambang Merdeka anjuran Petronas yang disertai beberapa artis popular tanah air seperti Sheila Majid, Zainal Abidin dan Intan Safarina.

Menara Berkembar Petronas yang diterangi dengan lampu termasuk pancaran laser di sekeliling bangunannya memeriahkan lagu suasana sambutan.

Sebaik sahaja detik 12 malam, pertunjukan bunga api diadakan.

Di PULAU PINANG, lebih 30,000 orang membanjiri Padang Kota Lama untuk menyaksikan pelbagai persembahan yang diadakan sempena sambutan ambang Merdeka.

Yang turut hadir ialah Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Timbalan

Ketua Menteri Datuk Dr Hilmi Yahaya dan barisan exco kerajaan negeri.

Sempena majlis itu pelbagai persembahan diadakan termasuk nyanyian oleh artis-artis tanah air dan persembahan boria dalam pelbagai bahasa oleh Badan Kebudayaan Universiti Sains Malaysia (USM).

Koh turut mendeklamasikan sajak bertajuk "Keranamu Malaysia" hasil nukilan Prof Madya Dr Ismail Abdullah dari USM.

Tepat pukul 12 tengah malam, jalur gemilang dinaikkan oleh Sarjan Zailani Mat Enda dan Lt Abdul Rani Majid dari 2 Rejimen Askar Melayu Diraja Kem Sungai Ara dan nyanyian lagu Negaraku dimainkan oleh pancaragam dari Sekolah Menengah Penang Free yang diketuai Stefan Dawson.

Laungan Merdeka sebanyak tujuh kali turut dilaungkan oleh semua yang hadir.

Di KANGAR, hujan yang sesekali lebat tidak menghalang acara sambutan malam kemerdekaan yang berlangsung di Stadium Datuk Sheikh Ahmad malam ini.

Buat pertama kali, forum agama, bacaan al-Quran dan nasyid menjadi pengisian malam merdeka peringkat negeri ini sebagai menghormati malam Jumaat.

Acara-acara kesenian termasuk pertunjukan bunga api sebagaimana yang berlangsung sebelum ini akan diadakan malam esok.

Sementara itu, Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim mengetuai laungan merdeka tepat pukul 12 tengah malam diikuti ribuan penduduk dengan penuh bersemangat.

Sebelum itu, Shahidan menerima bendera Jalur Gemilang yang dibawa para peserta program larian Jalur Gemilang yang bermula di Padang Besar.

Kira-kira 700 peserta menyertai larian sejauh lebih 40 kilometer itu bagi membuktikan semangat patriotisme mereka kepada negara ini.

Di ALOR SETAR, Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain hadir bersama-sama lebih 20,000 orang di Dataran Tunku untuk meraikan sambutan malam ambang kemerdekaan bagi peringkat negeri Kedah.

Syed Razak turut mendeklamasikan sebuah puisi berjudul "Rumah Kita Ini" dengan bertenaga sekali sebelum upacara menaikkan bendera Jalur Gemilang tepat pukul 12 malam.

Di KUALA TERENGGANU, dianggarkan hanya 300 orang hadir pada sambutan Ambang Merdeka di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah di sini, yang mampu memuatkan 15,000 penonton, berikutan hujan renyai.

Sementara menunggu tepat 12 malam, penonton disajikan Persembahan Marhaban Perdana yang disertai seramai 350 peserta dan antara program yang disediakan adalah persembahan marhaban Masjid Gong Kapas, persembahan nasyid Shoutul Amal Kuala Terengganu dan penyerahan Jalur Gemilang oleh 21 Rejimen Askar Melayu Diraja.

Sambutan yang sama diadakan ialah di Bandar Ketengah Jaya, Dungun, selain bacaan tahlil yang diadakan di beberapa masjid.

Di LANGKAWI, kira-kira 3,000 orang berhimpun di Dataran Helang, di sini malam ini untuk memeriahkan acara sambutan malam kemerdekaan.

Anggota Parlimen Datuk Abu Bakar Taib mengetuai laungan Merdeka tepat pukul 12 tengah malam diikuti dengan pelepasan bendera Jalur Gemilang yang diikat pada ratusan belon ke udara.

Majlis itu diserikan dengan bacaan sajak "Di atas mimbar Merdeka" dan Erti Sebuah kemerdekaan".

Pada masa yang sama, lebih 20 motosikal berkuasa tinggi dan 20 buah Vespa mengelilingi Langkawi dengan menggantung bendera pada motosikal masing-masing.

Di SHAH ALAM, perbarisan dan sambutan perayaan di Ambang Merdeka diadakan dengan disertai 42 kontinjen terdiri daripada pasukan keselamatan, pasukan pancaragam sekolah dan jabatan serta agensi kerajaan.

Tepat jam 12 malam, laungan "Merdeka" diketuai oleh Menteri Besar Datuk Seri Mohd Khir Toyo serta para anggota Exco kerajaan negeri, Yang Dipertua

pihak berkuasa tempatan dan ketua-ketua jabatan kedengaran.

Para hadirin termasuk kira-kira 5,000 warga penduduk Shah Alam kemudiana menyertai kumpulan koir menyanyikan lagu Negaraku, Jalur Gemilang dan Kerana Mu Malaysia.

Terdahulu, satu persembahan kebudayaan yang merangkumi persembahan tarian tradisional Melayu, Cina, India dan Orang Asli "Mahmari", kumpulan Bhangra serta persembahan deklamasi sajak diadakan.

Di PERAK, kira-kira 10,000 orang menghadiri perayaan Ambang Merdeka yang kali ini diadakan di Taiping.

Acara sambutan dimulakan dengan nyanyian lagu patriotik dan persembahan pasukan keselamatan. Ia diikuti dengan tarian pelbagai kaum yang turut diselangselikan dengan persembahan artis tempatan sementara menunggu waktu tepat pukul 12 malam.

Tepat 12 malam, lagu Negaraku dimainkan dan serentak dengan itu Jalur Gemilang dinaikkan, diikuti dengan nyanyian lagu Negaraku, Jalur Gemilang dan Kerana Mu Malaysia.

Acara sambutan diakhiri dengan pertunjukan bunga api.

Di JOHOR, sambutan peringkat negeri bermula dengan majlis tahlil dan doa kesyukuran kemerdekaan diadakan di Masjid Jamek pekan Pontian, tempat berlangsungnya sambutan Hari Kebangsaan peringkat negeri tahun ini.

Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman berserta exco-exco kerajaan negeri yang menyertai majlis tahlil kemudian menyertai ribuan rakyat pada upacara menaikkan bendera dan "countdown" detik ambang Merdeka di Dataran Perhentian, Pontian.

Sementara menunggu detik 12 malam dan "Merdeka" dilaungkan, orang ramai dihiburkan oleh kumpulan nasyid popular Brothers dan pentomim oleh pasukan Polis Diraja Malaysia diikuti pertunjukan bunga api.

Banyak masjid dan surau di seluruh negeri juga mengadakan majlis tahlil dan doa selamat serta kesyukuran kemerdekaan.

Universiti Teknologi Malaysia turut mengadakan majlis penghayatan dan kesyukuran kemerdekaan.

-- BERNAMA

EIZ KAY MNY HS FAZ